

25 MAY 1998

Myanmar-Pameran

USAHAWAN MELAYU BERPELUANG PAMER PRODUK DI MYANMAR

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Usahawan Melayu dapat mempamerkan produk mereka secara kekal dan sekali gus berpeluang menerokai pasaran baru di Myanmar apabila terlaksananya rancangan mewujudkan balai pameran industri Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Bandaraya Kuala Lumpur (DPMMBKL) di Yangon.

Bagi merintis usaha ke arah itu, DPMMBKL akan menganjurkan satu pameran produk keluaran Malaysia khususnya yang dihasilkan anggota-anggota DPMMBKL di ibu negara Myanmar itu dari 1 hingga 4 Ogos.

Ketua delegasi DPMMBKL bagi pameran itu Haji Rozhaly Ketot berkata langkah itu dijangka memberi peluang keemasan kepada 900 anggota DPMMBKL untuk mengeksport produk mereka ke pasaran yang lebih luas di Myanmar yang mempunyai 50 juta penduduk.

"Usaha ini sebagai menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya usahawan Malaysia lebih berani menerokai pasaran baru dan memperkenalkan produk Malaysia," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau berkata pameran itu yang menyediakan kira-kira 50 ruang pameran di Tamadaw Hall di Yangon dianjurkan DPMMBKL dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan Dewan Perniagaan dan Industri Myanmar.

Rozhaly berkata satu tapak balai pameran kekal sudah dikenali pasti dan usahawan Malaysia yang menyertai pameran itu kelak tidak perlu memunggah dan membawa balik produk dan peralatan mereka, sebaliknya boleh terus mempamerkannya di sana.

Beliau berkata langkah itu dijangka disusuli dengan usaha sama pengeluaran yang boleh dijalin antara usahawan Melayu dengan usahawan Myanmar untuk pasaran yang lebih luas di negara-negara jiran seperti Laos, Bangladesh dan China.

"Myanmar dijangka muncul sebagai satu kuasa ekonomi serantau khasnya apabila terlaksananya Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) pada 2003... DPMMBKL tidak mahu anggota kita ketinggalan," katanya, yang menambah bahawa Myanmar mengimport banyak barangan penggunaannya pada masa ini.

Menurutnya, kestabilan politik Myanmar tidak perlu diragui pada masa ini kerana negara itu mula menjadi tumpuan pelabur asing yang menanam modal berbilion dolar setakat ini.

Rozhaly, yang sudah mempunyai pejabat perniagaan Amrozz International Company Ltd dan perusahaan barangan konkrit di Yangon, berkata pada masa ini banyak produk Malaysia yang diminati di Myanmar dieksport melalui negara ketiga.

"Pasaran luas di sana... dari kertas tisu, coklat, keperluan penjagaan diri, barangan elektrik hinggalah komputer... usaha DPMMBKL ini membuka peluang perdagangan terus," katanya.

-- BERNAMA

MNY oba